

**a) SYARAT-SYARAT PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN (PPK)**

GREED	KEUPAYAAN MENENDER / MENJALANKAN KERJA	MODAL (RM)	PENDAFTARAN PERNIAGAAN	PEMOHON	PENDAFTARAN DENGAN AGENSI / ORANG KOMPETEN	% PECAHAN MODAL (EKUITI ASING)
G1	Tidak melebihi 200,000.00	5,000 / 10,000 (SPKK)	Berdaftar dengan salah satu Pendaftar Perniagaan Malaysia dibawah : I. Syarikat Suruhanjaya Malaysia - ROB - ROC - PLT	I. Pemohon terdiri daripada salah seorang Pengarah / Pemilik/ Ahli Lembaga Pengarah / Ahli jawatankuasa tertinggi.	Pendaftaran syarikat dengan agensi lain / orang kompeten dengan agensi lain, mestilah masih dalam tempoh sahlaku (sekiranya ada)	I. Ekuiti asing yang dibenarkan tidak melebihi 30% dari jumlah modal
G2	Tidak melebihi 500,000.00	25,000	II. Pendaftaran Perniagaan Sabah	II. Seorang pemohon hanya dibenarkan memohon 1 pendaftaran untuk satu syarikat.		II. Ekuiti asing dari negara ASEAN dibenarkan tetapi tidak melebihi 51% dari jumlah modal
G3	Tidak melebihi 1,000,000.00	50,000	III. Pendaftaran Perniagaan Sarawak			III. Ekuiti asing dibawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) :
G4	Tidak melebihi 3,000,000.00	150,000	IV. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)			a) Malaysia – Australia :ekuiti asing tidak melebihi 49%
G5	Tidak melebihi 5,000,000.00	250,000	V. Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)			b) Asean-Australia-New Zealand : ekuiti asing tidak melebihi 49%
G6	Tidak melebihi 10,000,000.00	500,000				c) Asean-Korea: ekuiti asing tidak melebihi 30%
G7	Tiada had	750,000			d) ASEAN – China: ekuiti asing tidak melebihi 30%	
					e) Malaysia – Pakistan : ekuiti asing tidak melebihi 49%	
					f) Malaysia – Jepun : ekuiti asing tidak melebihi 30%	
					g) Malaysia – New Zealand : ekuiti asing tidak melebihi 49%	
					h) Malaysia – Inda Comprehensive Economic Cooperation Agreement: ekuiti asing tidak melebihi 51%	

Sambungan....

GRED	PERSONEL TEKNIKAL				
	KATEGORI BANGUNAN (B) , KEJURUTERAAN AWAM (CE), MEKANIKAL /ELEKTRIKAL (ME)	KATEGORI FASILITI (F)			
		MEMPUNYAI PERSONEL TEKNIKAL FM		MEMPUNYAI PEGAWAI TEKNIKAL BUKAN FM	
		F01	F02	F01	F02
G1	Seorang pemegang Sijil Teknikal (sekiranya ada)	Tiada Pendaftaran Kategori Fasiliti			
G2					
G3					
G4	Seorang pemegang Diploma	1 Diploma FM* dan berpengalaman dalam penyenggaraan	1 Diploma FM* dan berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital	1 Diploma min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan.	1 Diploma minimum 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital
G5	Seorang pemegang Diploma (minima 5 tahun pengalaman) Atau Seorang pemegang Ijazah (minima 1 tahun pengalaman)	1 Diploma FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	1 Diploma FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	1 Ijazah (min 1 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan) atau 1 Diploma (min 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan)	1 Ijazah (min 1 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital) atau 1 Diploma (min 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)
G6	Seorang pemegang Ijazah dan Seorang pemegang Diploma (Salah seorang minima 3 tahun pengalaman)	1 Ijazah FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	1 Ijazah FM* dan 1 Diploma Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	1 Ijazah + 1 Diploma (salah seorang min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan)	1 Ijazah + 1 Diploma (salah seorang min 3 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)
G7	2 Orang pemegang Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman) Atau Seorang pemegang Ijazah dan Seorang pemegang Diploma (kedua-dua minima 5 tahun pengalaman)	1 Ijazah FM* dan 1 Ijazah Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan)	1 Ijazah FM* dan 1 Ijazah Teknikal** (3 tahun pengalaman dalam penyenggaraan) (salah seorang berpengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)	1 Ijazah + 1 Diploma (kedua-dua 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan atau 2 Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan)	1 Ijazah + 1 Diploma (kedua-dua 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital) atau 2 Ijazah (salah seorang 5 tahun pengalaman dalam perkhidmatan fasiliti atau penyenggaraan hospital)

- Sijil / Diploma / Ijazah mestilah berkaitan bidang pembinaan
- Personel Teknikal mestilah warganegara Malaysia
- Personel Teknikal digajikan sepenuh masa oleh syarikat (mempunyai caruman KWSP/SOC SO)

**MODAL**

ROC (SDN BHD / BERHAD / BHD)	ROB / PLT / SABAH / SARAWAK	SKM / ROS
Modal berbayar / <i>Total Issued</i>	Modal Terkumpul, salah satu / kombinasi : <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyata Bank dari akaun semasa syarikat. Baki tertinggi dalam bulan terkini. Cth, permohonan dibuat pada bulan 5, jadi baki tertinggi diambil dari bulan 3/4.</li> <li>ii. Penyata Bank dari akaun semasa / akaun simpanan pemilik syarikat . Baki terakhir dalam bulan terkini. Cth permohonan dibuat pada bulan 5, jadi baki terakhir diambil dari bulan 3/4</li> <li>iii. Simpanan ASB pemilik</li> <li>iv. Simpanan Tabung Haji pemilik</li> <li>v. Simpanan Tetap (Fixed deposit) syarikat yang masih sah.</li> </ul>	Penyata Bank dari akaun semasa syarikat .Baki tertinggi dalam bulan terkini. Cth, permohonan dibuat pada bulan 5, jadi baki tertinggi diambil dari bulan 3/4.

## **SYARAT – SYARAT PENDAFTARAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**

- a) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah, dan
- b) Memenuhi syarat Modal Berbayar atau Modal Terkumpul merujuk kepada Had nilai perolehan dan Personel Teknikal kecuali bagi Gred G1 hendaklah mempunyai Modal Berbayar atau Modal Terkumpul sekurang-kurangnya RM10,000.00, dan
- c) Memenuhi syarat pemilikan ekuiti dalam syarikat lain, dan
- Pemegang saham syarikat/individu yang telah memiliki SPKK tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% atau RM50,000.00 atau mana-mana yang terendah dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.
  - Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Pengurusan dan Pegawai Teknikal syarikat yang telah memiliki SPKK tidak boleh wujud/didaftarkan dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.
- \*Nota : Pengecualian diberi kepada konsortium, Koperasi dan GLC (Ahli Lembaga)
- d) Memenuhi syarat pensijilan bagi permohonan baru seperti berikut:
- Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurangnya 3 bintang bagi kontraktor gred G5, G6 dan G7.
  - Memperolehi sijil penilaian SCORE sekurang-kurang 2 bintang bagi kontraktor gred G2, G3 dan G4.
  - Memperolehi pensijilan ISO 9001:2008 yang masih sah bagi gred G7.
- e) Bebas dari sabitan tindakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan.
- f) Perubahan Ekuiti
- Perubahan ekuiti tidak dibenarkan (samada melalui pindahmilik atau tambah saham) yang mana jumlah saham yang dimiliki oleh pemegang saham baru adalah melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, jika berlaku ia akan dikategorikan sebagai pendaftaran baru dan perlu memenuhi syarat permohonan baru SPKK kecuali G1 (SPKK akan terbatal dan tiada permohonan baru dibenarkan) ATAU
  - Pemilik saham yang baru (samada orang perseorangan atau syarikat) telah menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada.
- g) Kemasukan pemegang saham baru
- Pemegang saham baru (individu atau syarikat) tidak dibenarkan memiliki jumlah saham terbesar (pemegang saham utama) untuk tempoh 2 tahun bagi gred G2 hingga G7 manakala bagi gred G1 selama 5 tahun dari tarikh kelulusan perubahan saham diluluskan.
  - Pemegang saham baru hendaklah memegang saham tidak melebihi 49% daripada modal berbayar / terkumpul syarikat, ATAU
  - Pemegang saham yang baru (samada orang perseorangan atau syarikat) tidak dibenarkan menjadi pemegang saham individu terbesar didalam syarikat mengatasi pemegang saham utama (major shareholder) sedia ada.